

# Kecemerlangan ilmu kena bermula awal

PM mahu lahir modal insan cemerlang, gemilang dan terbilang

BH - 21/2/2006

Oleh Misiah Taib

**M**ELAKA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu kecemerlangan pendidikan diberi penekanan pada semua peringkat daripada prasekolah hingga institusi pengajian tinggi bagi melahirkan modal insan yang benar-benar cemerlang, gemilang dan terbilang.

Perdana Menteri berkata, kejayaan pada peringkat sekolah rendah harus bermula daripada pra sekolah, manakala di sekolah menengah pula mesti bermula di sekolah rendah dan seterusnya pada peringkat universiti hendaklah bermula dari sekolah menengah.

"Ini perlu dilihat sebagai kesinambungan proses pendidikan bagi melahirkan insan cemerlang. Peneka-

nan perlu diberi pada semua peringkat dan secara berterusan," katanya ketika melancarkan Kelas Bimbingan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Tabung Bangunan Yayasan GPMS Kebangsaan di sini, semalam.

Bangunan lapan tingkat itu akan dibina di Alor Gajah dengan kos RM18 juta. Pada majlis itu, Perdana Menteri menerima sumbangan RM1 juta untuk Tabung Yayasan GPMS daripada Jaymuda Group yang disampaikan Pengarah Urusannya, Datuk Wong Soon Lim.

Hadir sama, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said dan Pengerusi Yayasan GPMS; Datuk Mohamad Din Yusoh serta Timbalannya, Datuk Mohammed Nazim Abdul Razak.

Abdullah berkata, projek kelas bimbingan SPM GPMS itu adalah projek *favourite no 1* beliau dan antara usaha yang dilakukan ke arah melahirkan pelajar cemerlang.

Katanya, kelas bimbingan itu dimulakan ketika beliau sendiri menerajui GPMS pada 1963.

"Projek ini memang tahan lama. Bermula dengan peruntukan kecil RM20,000 saja dan jumlah pelajar dulu pun tidak ramai. Tapi hari ini projek ini sudah semakin besar dan membabitkan ribuan pelajar dan ia bertambah popular," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau pastinya amat bersyukur jika hampir 7,000 pelajar yang mengikuti kelas bimbingan GPMS mencapai keputusan cemerlang, gemilang dan terbilang dalam SPM.

"Bukan satu kerugian untuk belajar bersungguh-sungguh dan mencapai kejayaan cemerlang. Menguasai ilmu pengetahuan satu pelaburan bagi diri sendiri yang amat penting.

"Jika pelajar hari ini tidak menguasai cabang ilmu pengetahuan baru dan terkini yang terus berkembang maju, rakyat dan negara akan turut ketinggalan," katanya.

Abdullah juga menekankan mengenai pentingnya memupuk nilai murni dalam diri pelajar supaya tidak terjebak dalam gejala sosial, terutama penyalahgunaan dadah.

"Jagalah diri, pastikan badan sihat, ada pendidikan dan berilmu pengetahuan. Ini semua akan membantu kita menjadi insan berkualiti dan berguna kepada keluarga, bangsa, agama dan negara," katanya.